

UMNO tidak gentar dengan PAS — Mahathir

KOTA BAHARU 29 Jun
— Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini menegaskan, UMNO tidak gentar dengan serangan PAS untuk berkuasa di tiga negeri, Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Beliau yang juga Presiden UMNO Malaysia menambah, buat apa UMNO hendak gentar dan tidak ada apa yang UMNO hendak bimbang kerana sudah 30 tahun dapat memerintah negara ini dan cukup pengalaman.

“Rakyat sudah dapat menilai segala hasil yang kita curahkan kepada mereka selama kita memerintah negara ini,” ujarnya kepada para pemberita selepas berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan UMNO bahagian Kok Lanas di Keterih di sini petang ini.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya mengenai serangan PAS untuk berkuasa di negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah dalam pilihanraya kali ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin hasrat PAS untuk menawan Negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah tidak berhasil kerana rakyat di negeri tersebut telah tidak menerima PAS.